

17/06/2005

Mahathir-Jawatankuasa

DR MAHATHIR MAHU PERBICARAAN ADIL BAGI SADDAM

PUTRAJAYA, 17 Jun (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau bersetuju untuk menyertai kumpulan yang dilantik untuk membantu membela hak bekas Presiden Iraq Saddam Hussein bagi mendapat perbicaraan yang adil dan mengikut lunas undang-undang.

Bekas Perdana Menteri berkata: "Dalam kes Saddam Hussein, tumpuan saya hanya untuk memastikan apa juga yang mereka lakukan mestilah mengikut undang-undang, sama ada perbicaraan itu sah daripada segi undang-undang ataupun tidak."

"(Tetapi) sama ada beliau bersalah ataupun tidak, ia bukan urusan saya," katanya pada sidang media di sini mengenai pemilihan beliau sebagai anggota kumpulan itu yang dikenali sebagai Jawatankuasa Darurat bagi Iraq, yang turut dianggotai tiga lagi ahli politik berwibawa antarabangsa.

Katanya beliau berminat menyertai kumpulan itu kerana peranan utamanya ialah untuk memastikan sama ada Tribunal Khas Iraq yang akan membicarakan Saddam merupakan mahkamah yang ditubuhkan mengikut undang-undang.

"Ini kerana mahkamah yang ditubuhkan mengikut undang-undang mempunyai semua bidang kuasa. (Sama ada) kemungkinan ia (Tribunal Khas Iraq) telah menubuhkan mahkamah yang sah yang mempunyai bidang kuasa untuk menentukan sama ada Saddam bersalah atau tidak bersalah," katanya.

"Lagipun, mesti ada mahkamah yang ditubuhkan mengikut undang-undang untuk membicarakan beliau secara sah," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata beliau bersetuju untuk memberikan kerjasama selepas berbincang dengan Peguam Negara Amerika Syarikat Ramsey Clarke yang beliau temui di Amman, Jordan, baru-baru ini.

"Kami berbincang dengan panjang lebar dan saya menyatakan harapan kita ialah berhubung perkara ini (memastikan perbicaraan yang adil bagi Saddam)," katanya.

Beliau juga berpendapat bahawa pengamal undang-undang di Malaysia juga mahu menyaksikan perbicaraan Saddam dijalankan secara adil dan saksama.

Mengenai bentuk tindakan yang akan diambil oleh Jawatankuasa Darurat itu bagi memastikan perbicaraan yang adil bagi Saddam, beliau berkata, "Yang paling penting, saya fikir pengamal undang-undang percaya Saddam mesti diberikan akses kepada para peguam beliau."

"Setakat sekarang, tiada bukti yang menunjukkan beliau dibenarkan berjumpa dengan peguamnya dan malahan sudah wujud keadaan di mana beliau telah disoal siasat untuk faedah kumpulan tertentu, yang melanggar undang-undang," katanya.

Laporan sebuah agensi berita asing pada Selasa memetik jurucakap jawatankuasa itu sebagai berkata adalah amat penting kepada kebenaran sejarah, keadilan awam dan keamanan bagi Amerika Syarikat menghormati maruah dan hak Saddam dan semua pegawai bekas kerajaan Iraq yang setia.

Beliau berkata "Pentadbiran (Presiden AS George W.) Bush telah dengan sengaja menafikan hak (Saddam) dan pegawai lain untuk mendapatkan khidmat peguam pilihan mereka, lawatan keluarga, dan sebarang akses kepada maklumat."

Selain Dr Mahathir dan Clarke, jawatankuasa itu turut dianggotai bekas Menteri Luar Perancis Ronald Dumas dan Presiden Algeria Ahmed Ben Bella.

-- BERNAMA

RIZ SS RHM